

## Dua beradik selebriti antara tiga ditahan polis berhubung kes dadah

AMPANG . HULU LANGAT

37

### Dua beradik selebriti antara tiga ditahan polis berhubung kes dadah

KUALALUMPUR - Tiga individu termasuk dua adik-beradik dipercayai selebriti ditahan polis berhubung kes dadah di Jalan Bukit Setiawangsa, Jumaat lalu.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Mazlan Lazim berkata, sepasukan anggota polis dari Ibu Pejabat Polis Daerah Wangsa Maju telah menahan sebuah kereta jenis Honda Jazz dalam keadaan mencurigakan di kawasan sebuah stesen minyak kira-kira jam 1.30 pagi.

"Pemeriksaan yang dilakukan terhadap kereta dinaiki suspek, polis menjumpai satu bekas tin aluminium mengandungi satu paket lut sinar berisi ketulan mampat dan daun-daun kering dipercayai dadah jenis ganja di bawah tempat duduk pemandu," katanya.

Katanya, anggaran berat barangan yang dirampas itu

**Kita turut menjumpai satu botol plastik lut sinar yang telah diubah suai disyaki peralatan untuk menghisap dadah jenis ganja." - Mazlan**



kira-kira 5.97 gram.

"Kita turut menjumpai satu botol plastik lut sinar yang telah diubah suai disyaki peralatan untuk menghisap dadah jenis ganja," katanya.

Beliau berkata, kesemua suspek berusia dalam lingkungan 20 hingga 25 tahun.

"Ujian air kencing turut

mendapati kesemua suspek positif dadah jenis ganja. Mereka kini ditahan reman kemudian diberi jaminan polis pada Sabtu lalu.

"Kita juga telah merakam percakapan kesemua suspek itu," katanya sambil memberitahu kes disiasat mengikut Seksyen 15 (1) (a) Akta Dadah Berbahaya 1952.